

FAKTOR – FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PELAJAR – PELAJAR DIPLOMA
KEJURUTERAAN POLITEKNIK DALAM MENCEBURI BIDANG
KEUSAHAWANAN

MOHD SHAHRIR BIN ABDULLAH

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan

Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal (Reka Bentuk Instruksional dan Teknologi)

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussien Onn Malaysia

JAN 2015

KHAS UNTUK

Ayahanda, Bonda dan Keluarga serta anak-anak
yang memahami.

Untuk tenaga pengajar...

yang tidak jemu menyumbangkan ilmu.

Untuk rakan-rakan seperjuangan...

yang banyak membantu dan memberi sokongan.

Untuk diri sendiri...

yang berjaya menguatkan diri dan tabah.

Syukur, Alhamdulillah....



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Syukur Alhamdulillah, dengan izinNya kertas projek akhir saya ini dapat juga disiapkan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ikhlas kepada penyelia saya Engr. Dr. Yusmarwati Binti Yusof atas bimbingan serta dorongan yang diberi sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan dan para pensyarah di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan kakitangan Jabatan Program Pesisir, Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) yang telah memberikan banyak input sepanjang kajian dan penulisan kertas projek ini dijalankan.

Terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya, adik-beradik, saudara-mara, rakan-rakan, dan anak anak saya dan keluarga En. Abd Rahman yang tidak putus-putus memberikan saya kata-kata nasihat, dorongan serta semangat kepada saya untuk meneruskan kertas projek akhir saya ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penyelidikan saya ini dari kalangan responden yang terlibat di Politeknik Ungku Omar(PUO). Kerjasama sepenuhnya oleh semua pihak amatlah saya hargai.

Akhir sekali, penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan kertas projek ini.

Wassalam.

ABSTRAK

Bidang keusahawanan kini semakin berkembang maju selaras dengan seruan kerajaan yang banyak memberi dorongan kepada rakyat Malaysia agar menjadikan usahawan sebagai kerjaya utama. Kajian yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar bidang Diploma Kejuruteraan di Politeknik Ungku Omar (PUO) dalam menceburi bidang keusahawanan. Seramai 371 orang pelajar terlibat dalam kajian ini. Kajian yang dijalankan adalah berasaskan Model Asas Proses Keusahawanan, Teori Tingkah Laku Terancang, Model Pembangunan Usahawan dan juga Model Proses Pembentukan Usahawan. Data kajian diperolehi daripada borang soal selidik yang mengandungi 55 item. Dapatan yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian komputer *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) Versi 21.0 untuk mendapat nilai frekuensi, peratus dan juga pekali korelasi. Dapatan kajian menunjukkan setiap faktor keusahawanan yang dikaji iaitu dorongan, kepimpinan, kemahiran, motivasi, dan pengalaman adalah tinggi. Manakala bagi faktor sikap pula berada pada aras sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara minat keusahawanan dan kepimpinan keusahawanan. Berdasarkan kajian ini, dirumuskan bahawa faktor keusahawanan yang mempengaruhi bagi diri pelajar politeknik berada pada tahap sederhana. Kajian ini diharapkan dapat membantu dan dimanfaatkan oleh pihak tertentu dalam usaha meningkatkan penerapan kesediaan pelajar politeknik diploma kejuruteraan dalam menceburi bidang keusahawanan.

ABSTRACT

Entrepreneurship nowadays is moving at fast paced, in line with government drives and efforts encouraging Malaysians to consider entrepreneurs as a main career. Based on this research findings, as sample as students of Ungku Omar Polytechnic, it can be concluded the entrepreneurial factor that could influence Polytechnic students is at an average level. Research has been conducted to identify factors that could influence students in Diploma Engineering course venture into entrepreneurship. Research survey mainly conducted on 371 of students. The study is based on the Basic Process Model of Entrepreneurship, Theory of Planned Behavior, Entrepreneur Development Model and Entrepreneur Formation Process Model. Data were derived from a questionnaire containing 55 items. The results were analyzed using computer software Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) version 21.0 to get the frequency, percentage and correlation coefficient. The findings show that each factor studied, ie the encouragement of entrepreneurship, leadership, skills, motivation, and experience is high. As for the attitude factor was at a moderate level. The study also showed that there was no significant relationship between the interests of entrepreneurship and entrepreneurial leadership. Based on this study, concluded that factors affecting entrepreneurship for students of polytechnics at a moderate level. This study is expected to help and exploited by certain parties in an effort to improve the implementation readiness polytechnic diploma engineering students in entrepreneurship.

KANDUNGAN

| | |
|------------------------------------|--------------|
| JUDUL..... | ii |
| PERAKUAN | ii |
| DEDIKASI | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK..... | v |
| ABSTRACT | vi |
| KANDUNGAN | vii |
| SENARAI JADUAL | xi |
| SENARAI RAJAH | xiiii |
| SENARAI SINGKATAN..... | xiv |
| SENARAI LAMPIRAN | |
| BAB 1 PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Masalah..... | 3 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 4 |
| 1.4 Tujuan Kajian..... | 5 |
| 1.5 Objektif Kajian..... | 6 |
| 1.6 Persoalan Kajian..... | 6 |
| 1.7 Hipotesis Kajian | 6 |
| 1.8 Kerangka Konsep Kajian | 7 |
| 1.9 Skop Kajian..... | 8 |
| 1.10 Batasan Kajian | 8 |

| | | |
|-------|--|----|
| 1.11 | Kepentingan Kajian..... | 8 |
| 1.12 | Definasi Istilah | 9 |
| 1.13 | Rumusan | 12 |
| BAB 2 | KAJIAN LITERATUR..... | 13 |
| 2.1 | Pengenalan | 13 |
| 2.2 | Bidang Keusahawanan | 13 |
| 2.2.1 | Usahawan dan Keusahawanan | 14 |
| 2.3 | Model-Model Dan Teori..... | 15 |
| 2.3.1 | Model Asas Proses Keusahawanan | 15 |
| 2.3.2 | Teori Tingkah Laku Terancang | 16 |
| 2.3.3 | Model Proses Pembentukan Usahawan | 17 |
| 2.4 | Proses Menjadi Usahawan | 17 |
| 2.5 | Kemahiran Keusahawanan | 19 |
| 2.5.1 | Kemahiran Teknikal | 20 |
| 2.5.2 | Kemahiran Kemanusian | 20 |
| 2.5.3 | Kemahiran Konseptual | 21 |
| 2.6 | Faktor Dorongan Menceburi Bidang Keusahawanan..... | 21 |
| 2.6.1 | Faktor Motivasi | 22 |
| 2.6.2 | Faktor Sikap | 22 |
| 2.6.3 | Faktor Kemahiran/Pengalaman..... | 23 |
| 2.7 | Kepimpinan Keusahawanan | 24 |
| 2.8 | Faktor Yang Menjadi Kekangan Kepada Keusahawanan | 25 |
| 2.9 | Latar Belakang Politeknik | 25 |
| 2.10 | Rumusan | 26 |
| BAB 3 | METODOLOGI..... | 27 |

| | |
|--|-----------|
| 3.1 Pengenalan | 27 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian..... | 27 |
| 3.3 Prosedur Kajian | 28 |
| 3.4 Populasi Dan Sampel Kajian | 30 |
| 3.4.1 Lokasi Kajian | 30 |
| 3.4.2 Sampel Kajian | 30 |
| 3.5 Instrumen Kajian | 31 |
| 3.6 Kesahan Dan Kebolehpercayaan | 33 |
| 3.7 Kajian Rintis | 33 |
| 3.8 Prosedur Pengumpulan Data | 34 |
| 3.9 Analisis Data | 35 |
| 3.10 Rumusan | 37 |
| BAB 4 ANALISIS DAPATAN KAJIAN..... | 38 |
| 4.1 Pengenalan | 38 |
| 4.2 Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik..... | 39 |
| 4.3 Analisis Demografi Responden | 40 |
| 4.3.1 Taburan responden berdasarkan jantina | 41 |
| 4.3.2 Taburan responden mengikut bangsa | 41 |
| 4.3.3 Taburan responden mengikut Jabatan Pengajian | 42 |
| 4.3.4 Taburan responden berdasarkan penglibatan keluarga dalam keusahawanan | 42 |
| 4.4 Analisis Terhadap Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Dalam Menceburι Bidang Keusahawanan | 43 |
| 4.4.1 Kemahiran keusahawanan pelajar..... | 43 |
| 4.4.2 Dorongan keusahawanan pelajar..... | 45 |
| 4.4.3 Motivasi keusahawanan pelajar | 47 |

| | |
|--|-----------|
| 4.4.4 Pengalaman keusahawanan pelajar | 49 |
| 4.4.5 Kepimpinan keusahawanan pelajar..... | 51 |
| 4.5 Analisis Terhadap Kekangan Sikap Yang Dihadapi Oleh Pelajar Dalam Menceburui Bidang Keusahawanan..... | 53 |
| 4.6 Hubungan Antara Motivasi Keusahawanan Dengan Kepimpinan Keusahawanan..... | 56 |
| 4.7 Rumusan | 57 |
| BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN..... | 58 |
| 5.1 Ringkasan | 58 |
| 5.2 Perbincangan | 59 |
| 5.2.1 Faktor – faktor yang mempengaruhi pelajar dalam menceburui bidang keusahawanan | 59 |
| 5.2.2 Kekangan sikap yang dihadapi oleh pelajar dalam menceburui bidang keusahawanan | 61 |
| 5.2.3 Hubungan antara motivasi keusahawanan dengan kepimpinan keusahawanan | 62 |
| 5.3 Model Kesediaan Keusahawanan..... | 62 |
| 5.4 Cadangan | 63 |
| 5.5 Cadangan Kajian Lanjutan | 65 |
| 5.6 Kesimpulan | 65 |
| Rujukan | 67 |
| Lampiran | |

SENARAI JADUAL

| | |
|---|----|
| 1.1 Perangkaan Utama Tenaga Buruh dan Kadar Pengangguran | 2 |
| 3.1 Sampel yang dipilih | 31 |
| 3.2 Skala Likert | 32 |
| 3.3 Nilai Alpha Cronbach | 34 |
| 3.4 Kaedah yang digunakan bagi menganalisa data berdasarkan persoalan kajian | 35 |
| 3.5 Jadual Analisis Skala Likert | 36 |
| 3.6 Jadual Tafsiran Min | 36 |
| 3.7 Darjah hubungan yang ditunjukkan oleh saiz pekali korelasi | 37 |
| 4.1 Kebolehpercayaan bagi setiap faktor keusahawanan dankekangan | 40 |
| 4.2 Taburan responden berdasarkan jantina | 41 |
| 4.3 Taburan responden berdasarkan bangsa | 41 |
| 4.4 Taburan responden berdasarkan Jabatan Pengajian | 42 |
| 4.5 Taburan responden berdasarkan penglibatan keluarga | 42 |
| 4.6 Analisis skor min, kekerapan dan peratusan terhadap kemahiran pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan | 44 |
| 4.7 Tahap kompetensi responden bagi kemahiran keusahawanan | 45 |
| 4.8 Analisis skor min, kekerapan dan peratusan terhadap dorongan pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan | 46 |
| 4.9 Tahap kompetensi responden bagi dorongan keusahawanan | 47 |

| | |
|--|----|
| 4.10 Analisis skor min, kekerapan dan peratusan terhadap motivasi pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan | 48 |
| 4.11 Tahap kompetensi responden bagi motivasi keusahawanan | 49 |
| 4.12 Analisis skor min, kekerapan dan peratusan terhadap pengalaman pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan | 50 |
| 4.13 Tahap kompetensi responden bagi pengalaman keusahawanan | 51 |
| 4.14 Analisis skor min, kekerapan dan peratusan terhadap kepimpinan pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan | 52 |
| 4.15 Tahap kompetensi responden bagi kepimpinan keusahawanan | 53 |
| 4.16 Analisis skor min, kekerapan dan peratusankekangan sikap yang dihadapi oleh pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan | 54 |
| 4.17 Tahap kompetensi responden bagi sikap keusahawanan | 55 |
| 4.18 Korelasi antara minat dan kepimpinan | 56 |

SENARAI RAJAH

| | | |
|-----|---------------------------------------|----|
| 1.1 | Kerangka Konsep Kajian | 7 |
| 2.1 | Model Asas Proses Keusahawanan | 15 |
| 2.2 | Model Teori Tingkah Laku Terancang | 16 |
| 2.3 | Model Proses Pembentukan Usahawan | 17 |
| 2.4 | Kerangka Umum Proses Menjadi Usahawan | 18 |
| 3.1 | Kerangka Operasi Kajian | 29 |
| 5.1 | Model Kesediaan Keusahawanan | 63 |



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|--------|---|---|
| DEB | - | Dasar Ekonomi Baru |
| DPN | - | Dasar Pembangunan Negara |
| IPS | - | Institut Pengajian Tinggi Swasta |
| IPT | - | Institut Pengajian Tinggi |
| IPTA | - | Institut Pengajian Tinggi Awam |
| JPTK | - | Jabatan Pendidikan Teknik Dan Kejurutaraan |
| JPT | - | Jabatan Pendidikan Teknik |
| MECD | - | Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi |
| MeDC | - | Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi |
| PUO | - | Politeknik Ungku Omar |
| PUNB | - | Perbadanan Usahawan Nasional Berhad |
| R&D | - | Research and Development |
| RMKe-9 | - | Rancangan Malaysia Kesembilan |
| SPSS | - | Statistical Package for Scirnce Social |
| UTM | - | Universiti Teknologi Malaysia |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pembangunan modal insan merupakan agenda utama negara Malaysia ke arah merealisasikan wawasan 2020 negara Malaysia. Dalam tempoh masa yang tinggal hanya 6 tahun ini memberi cabaran kepada kita ke arah mencapai matlamat tersebut. Antara agenda utama negara ialah mewujudkan masyarakat yang bercirikan keusahawanan, memandangkan bidang kerjaya ini penting dan merupakan penyumbang besar kepada pembangunan ekonomi negara. Oleh itu, pendidikan keusahawanan di Malaysia perlu dilaksanakan sebagai salah satu strategi melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP Ke-3) dengan tujuan untuk menambah bilangan sumber manusia yang mahir, berkebolehan membangunkan inovasi dan teknologi, dan menggalakkan perniagaan bagi mencapai matlamat masyarakat perdagangan dan perindustrian menjelang tahun 2020 (Malaysia 2001, 2006).

Kerajaan juga bermatlamat untuk menjadikan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sebagai penyumbang utama dalam bidang keusahawanan di samping mewujudkan peluang pekerjaan yang baru, dan seterusnya membantu perkembangan ekonomi negara pada abad ke-21. Jika dilihat pada masa kini, bidang keusahawanan bukan sahaja mampu menjadi pilihan kerjaya masa kini, malah dapat menghasilkan individu yang memiliki personaliti yang unik dan sikap tertentu yang perlu membentuk jati diri yang berdaya tahan dan berdaya saing (Ishak et al. 2006; Salmah 2006; Sidek 2006). Kalau diikutkan bukan semua orang boleh menjadi seorang usahawan kerana mereka perlu memiliki personaliti dan sikap yang lebih cenderung

terhadap bidang ini. Namun, dalam membentuk seorang usahawan ini perlu dibentuk bermula dari peringkat sekolah rendah lagi. Pada peringkat ini, pelajar diberi pendedahan dengan ilmu berkaitan keusahawanan, penerapan ciri-ciri serta nilai-nilai seorang usahawan supaya timbul minat pada diri pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan. Sehubungan dengan ini, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan tajuk perdagangan dan keusahawanan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (teras dan elektif) bermula dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga (Boon & Bohari, 2010).

Menurut Sabri (2007) modul keusahawanan sudah menjadi satu subjek yang penting bagi pelajar di semua peringkat, ianya bermula dari peringkat sekolah rendah sehingga Intitut Pengajian Tinggi. Di peringkat Universiti, peranan intitusi pengajian tinggi serta agensi-agensi berkaitan dilihat dapat membantu dan menggalakkan penglibatan siswazah dalam bidang keusahawanan. Politeknik juga tidak ketinggalan dalam memberikan pendedahan awal mengenai bidang usahawan pada pelajarnya. Perkara ini dapat dibuktikan dengan langkah pembudayaan pendidikan, dimana kursus-kursus telah disusun dan dirancang dan melakukan penstrukturran semula oleh Bahagian Kurikulum, Jabatan Pengajian Politeknik. (Husin, 2010).

Antara sebab utama pendidikan keusahawanan diberi perhatian dan galakan oleh kerajaan adalah kerana keusahawanan dilihat dapat membantu mengurangkan pengangguran. Menurut Sipon (2006), antara cabaran besar Negara sekarang ini ialah bilangan graduan mengangur yang agak tinggi jumlahnya. Selain itu, menurut Timbalan Ketua Pengarah (Strategik), Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia, Shaibudin Man (Utusan) berdasarkan laporan pengesanan kementerian, 76 peratus lulusan politeknik diseluruh Negara mendapat pekerjaan dalam pelbagai bidang dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan dalam kalangan pelajar diploma bidang kejuruteraan di politeknik bagi melihat faktor-faktor yang mempengaruhi mereka dalam menceburi bidang keusahawanan. Di samping kesediaan mereka dalam menceburi bidang keusahawanan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Usahawan yang melepas pelbagai halangan dalam bidang usahawan dilihat dapat memperoleh kejayaan dengan gemilang. Namun begitu menurut Ahmad (2004), sebahagian usahawan mempunyai masalah sikap sebagai penghalang kejayaan, atau lebih tepat sebagai penghalang terhadap kemenjadian usahawan. Menurut Mohd Makbul & Mohamad Harun (2003), keusahawanan merupakan teras dan tunjang sesebuah perniagaan. Keusahawanan dan pembentukan urus niaga baru, penting bagi mencipta dan mengekalkan ekonomi yang sihat kerana ia mencipta peluang-peluang pekerjaan baru, menambah keupayaan eksport Negara dan pertumbuhan ekonomi. Menurut Mohd Osman (2007), pula isu pengangguran dalam kalangan graduan bukan perkara baru dan menjadi masalah kepada Negara. Masalah pengangguran berlaku setiap kali universiti mengeluarkan beribu-ribu graduan setiap tahun. Kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki oleh para graduan tidak dapat digunakan untuk menyumbang kepada pembangunan Negara.

Jadual 1.1 menunjukkan statistik pengangguran di Malaysia dari tahun 2009 hingga Feb 2014. Kadar pengangguran sebanyak 3.2% telah dicatatkan pada tahun 2014. Peratusan ini telah meningkat sebanyak 0.4% jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya.

Jadual 1.1: Perangkaan utama tenaga buruh dan kadar pengangguran - sumber
Jabatan Perangkaan Malaysia (2014)

| Tempoh | Tenaga Buruh ('000) | Bekerja ('000) | Penganggur ('000) | Luar tenaga Buruh ('000) | Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (%) | Kadar Pengangguran (%) |
|----------|---------------------|----------------|-------------------|--------------------------|-----------------------------------|------------------------|
| 2009 | 11,315.3 | 10,897.3 | 418. | 6,665.7 | 62.9 | 3.7 |
| 2010 | 12,172.6 | 11,776.8 | 395.8 | 7,035.7 | 63.4 | 3.3 |
| 2011 | 12,505.8 | 12,123.0 | 392.9 | 6,990.4 | 64.1 | 3.1 |
| 2012 | 12,735.1 | 12,440.3 | 402.2 | 7,018.3 | 64.5 | 3.2 |
| 2013 | 13,298.9 | 12,900.3 | 398.5 | 7,056.7 | 65.3 | 2.8 |
| Feb 2014 | 13,887.3 | 13,440.9 | 446.4 | 6,720.3 | 67.4 | 3.2 |

Kadar ini adalah sangat membimbangkan, jika pelajar telah didedahkan dengan keusahawanan ini sekurang-kurangnya dapat memperolehi peluang perniagaan yang menjurus kepada bidang keusahawanan dan ini dapat mengurangkan kadar pengangguran negara. Bagi mengatasi masalah ini, graduan didedahkan dengan

ilmu keusahawanan ketika di Institusi Pengajian Tinggi lagi. Ini bertujuan membantu pelajar bersedia menghadapi dunia pekerjaan kelak. Seperti di politeknik kursus keusahawanan di jadikan sebagai kursus teras untuk semua pelajar politeknik termasuk Jabatan Kejuruteraan. Dengan adanya kursus keusahawanan sebagai kursus teras di politeknik, hasrat untuk membudayakan pendidikan keusahawanan dapat digemblengkan untuk meningkatkan bilangan usahawan di kalangan graduan politeknik.

Selain itu juga kerajaan berusaha mengatur langkah bagi menggalakkan pelajar menceburi bidang keusahawanan. Ahmad (2004), menyatakan pelbagai langkah diperkenalkan kerajaan bagi mengalakkan keusahawanan. Antaranya Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) pada 1991 yang bertujuan membangunkan usahawan bumiputera. Galakan yang diberikan oleh kerajaan ini dilihat amat penting memandangkan keusahawanan memberi begitu banyak faedah termasuklah menyediakan peluang pekerjaan, disamping menambahkan pendapatan Negara. Galakan yang diberikan oleh kerajaan mampu meningkatkan bilangan usahawan. Selain itu, Mohd Makbul & Mohamad Harun (2003) ada berkata bahawa, pengetahuan turut menjadi penyumbang kepada usahawan bagi membangunkan perniagaan mereka kerana sebelum memulakan perniagaan, usahawan perlu melihat dan menilai beberapa perkara seperti keadaan persekitaran, mengetahui undang-undang dan peraturan kerajaan yang berkaitan disamping pengetahuan berkaitan masyarakat. Namun begitu, sebelum ini pelajar kejuruteraan tidak diberi pendedahan yang mencukupi terhadap bidang dan peluang perniagaan berbanding pelajar jabatan lain. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan terhadap pelajar diploma kejuruteraan memandangkan mereka telah didedahkan dengan subjek keusahawanan ini sebagai subjek teras ketika mengikuti pengajian di Politeknik.

1.3 Pernyataan Masalah

Graduan dikatakan tidak memiliki sikap, kecenderungan personaliti dan tahap keinginan terhadap kerjaya dalam bidang keusahawanan. Di sini menunjukkan bahawa pelajar dalam bidang diploma kejuruteraan haruslah mampu untuk menggunakan pengetahuan serta kemahiran mereka apabila tamat bidang pengajian

kelak. Oleh yang demikian golongan pelajar digalakkan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Kenyataan ini disokong oleh Wan Hashim (2008), dengan menyatakan bahawa dunia yang semakin maju ini, kerajaan turut menggalakkan para graduan menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, namun begitu ia bergantung kepada kesediaan graduan itu sendiri melibatkan diri dalam bidang keusahawanan ini.

Para pendidik harus memainkan peranan yang penting kerana menurut Yusof (2009), para pendidik perlu menyedari bahawa pembudayaan keusahawanan dalam kalangan modal insan merupakan landasan ke arah mewujudkan masyarakat perindustrian menjelang tahun 2020. Lantaran itu bidang keusahawanan dilihat sebagai satu kerjaya yang berpotensi untuk mengatasi masalah pengangguran tersebut (Mohamed Idris, 2009). Oleh yang demikian adalah perlu untuk mengetahui apakah faktor-faktor yang mempengaruhi dalam diri setiap pelajar, dalam bidang keusahawanan bagi menarik lebih ramai pelajar untuk menguasai dan membudayakan bidang ini. Kajian ini, penyelidik telah mengkaji beberapa faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar diploma kejuruteraan di Politeknik Ungku Omar bagi melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Kajian ini juga akan menyentuh sedikit berkenaan kekangan yang dihadapi oleh pelajar bagi melibatkan diri dalam bidang keusahawanan serta hubungan antara faktor-faktor kesediaan yang terlibat.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar bidang diploma kejuruteraan di Politeknik Ungku Omar Ipoh dalam menceburi bidang keusahawanan dan faktor yang menghalang keterlibatan mereka dalam menceburi bidang ini.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan
2. Mengenalpastikekangan yang dihadapi oleh pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan.
3. Mengenalpasti hubungan antara motivasi keusahawanan dengan kepimpinan keusahawanan.

1.6 Persoalan Kajian

Daripada objektif kajian di atas, terdapat 3 persoalan yang dibina bagi menjawab objektif-objektif tersebut;

1. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan?
2. Apakah kekangan yang dihadapi oleh pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan?
3. Apakah hubungan antara motivasi keusahawanan dengan kepimpinan keusahawanan?


1.7 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian (3) yang dibina, hipotesis yang dibentuk untuk kajian ini adalah seperti berikut:

- Ho: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara motivasi keusahawanan dan kepimpinan keusahawanan
- Ha: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara motivasi Keusahawanan dan kepimpinan keusahawanan

1.8 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian yang telah dirangka untuk menjalankan kajian ini adalah seperti dalam Rajah 1.1. Kerangka kajian ini merangkumi aliran bagi seseorang pelajar itu untuk menceburi bidang keusahawanan dan sekaligus bergelar seorang usahawan. Oleh itu, enam pembolehubah tidak bersandar telah dikenal pasti dalam kesediaan pelajar bidang diploma kejuruteraan Politeknik Ungku Omar dalam menceburi bidang keusahawanan iaitu: (i) dorongan (ii) kemahiran (iii) motivasi (iv) Pengalaman (v) Kepimpinan dan (vi) Sikap.



Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian (Ubahsuai daripada Nurul Nadilah (2012)

1.9 Skop Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada faktor - faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Antara faktor kesediaan yang dikaji ialah kemahiran keusahawanan, dorongan keusahawanan, pengetahuan keusahawanan, motivasi keusahawanan, pengalaman bermula, kepimpinan keusahawanan dan juga kekangan dari sudut sikap yang dihadapi oleh pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan. Kajian ini hanya dilakukan ke atas pelajar tahun akhir yang mengikuti program bidang kejuruteraan di Politeknik Ungku Omar iaitu Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Perkapalan, Kejuruteraan Elektrik. Bagaimanapun penyelidik hanya menjalankan kajian di Politeknik Ungku Omar. Ini kerana kajian ini sesuai dijalankan di Politeknik tersebut kerana Politeknik tersebut menawarkan 4 bidang kejuruteraan kepada pelajarnya. Data yang diperlukan akan diperolehi dengan mengedarkan soal selidik kepada pelajar - pelajar yang terlibat.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada perkara-perkara yang dihadkan oleh penyelidik. di antara batasan-batasan tersebut di antaranya ialah, kajian ini hanya dijalankan ke atas pelajar-pelajar tahun akhir bagi Jabatan Kejuruteraan di Politeknik Ungku Omar. Jabatan yang dipilih ialah Jabatan Kejuruteraan Perkapalan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik. Ia tidak terlibat bagi semua jabatan kerana disebabkan oleh aspek kos, tenaga, dan masa yang terlalu terhad. Dapatkan kajian mungkin tidak dapat digeneralisasikan untuk semua pelajar tahun akhir di Politeknik Ungku Omar. Ia hanya merujuk kepada pelajar tahun akhir bagi empat bidang kejuruteraan yang ada di Politeknik.

1.11 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dilihat dapat memberi kepentingan kepada beberapa intitusi serta mereka yang terlibat dengan kajian ini. Bagi pelajar kepentingan kajian ini penting terutamanya dapat memberikan motivasi kepada pelajar disamping mereka

dapat menilai potensi diri sendiri sebelum melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak Intitusi Pengajian Tinggi Awam bagi meneliti dan memperkemaskan lagi program-program keusahawanan yang dianjurkan kepada pelajar disamping ianya dapat diguna pakai oleh pihak Intitusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam mengenalpasti potensi pelajar dalam bidang keusahawanan. Di samping itu juga, diharapkan kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan kepada agensi - agensi berkaitan seperti Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MeDC) dalam meningkatkan penyertaan pelajar dalam bidang keusahawanan. Diharapkan dengan kajian yang dilakukan dapat membantu agensi terbabit meningkatkan tahap penglibatan mereka dan memberikan pengetahuan dan pemahaman yang jelas berkaitan bidang keusahawanan.

Kajian ini juga akan dapat dijadikan rujukan oleh agensi - agensi swasta, ini kerana agensi swasta juga memainkan peranan yang penting dalam memupuk minat serta dorongan kepada para pelajar dalam menceburi bidang ini. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu tenaga pengajar yang terlibat bagi melahirkan pelajar yang berkualiti tinggi dan berdaya saing. Ini kerana tenaga pengajar memainkan peranan yang penting dalam memberi penerapan elemen - elemen keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar dan ini secara tidak langsung dapat memupuk motivasi dikalangan pelajar agar berminat dan bersedia untuk menceburi bidang keusahawanan.

1.12 Definisi Istilah

Definisi istilah ialah definisi yang digunakan oleh penyelidik untuk menjelaskan pembolehubah yang hendak diuji atau dimanipulasi dalam kajian ini. Berikut merupakan istilah terhadap beberapa terma penting untuk memudahkan pembaca memahami maksud perkataan yang digunakan dalam kajian ini:

i) **Usahawan**

Usahawan adalah merupakan individu yang mempunyai keupayaan untuk melihat dan merebut peluang perniagaan dengan menggunakan dan mengambil faedah daripada sumber-sumber yang perlu untuk memulakan tindakan bagi membolehkan kejayaan dapat dicapai (Davis dan Long 1999; Meredith et al. 1982).

ii) Keusahawanan

Keusahawanan boleh dimaksudkan sebagai usaha yang berterusan oleh individu atau sekumpulan individu yang membentuk organisasi untuk menjalankan proses mewujudkan barang atau perkhidmatan baru di mana ia dilakukan secara sistematik dengan menggunakan sumber secara optimum untuk memenuhi permintaan atau mengujudkan permintaan baru serta mengharapkan pulangan komersial yang setimpal dengan kesanggupan menerima risiko (Ramin *et. al*, 2007). Dalam kajian ini, keusahawanan dapat didefinisikan sebagai suatu bidang kerjaya yang perlu diceburi oleh pelajar untuk menjadi usahawan yang boleh menguruskan perniagaan Pelajar Kejuruteraan

Menurut Rasheed & Rasheed (2003), mereka mendapati bahawa pelajar yang menyertai kursus keusahawanan dan memulakan perniagaan semasa belajar akan menunjukkan ciri keusahawanan yang lebih tinggi. Ini turut disokong oleh Yusof (2009) yang menyatakan pelajar perlu diberikan peluang seluas yang mungkin untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Dalam penulisan kajian ini, penyelidik mentafsirkan pelajar merupakan mereka yang mengikuti Diploma Bidang Kejuruteraan tahun akhir di Politeknik Ungku Omar.

iii) Kemahiran Keusahawanan

Van Gelderen (2007), mentakrifkan kemahiran keusahawanan adalah satu kebolehan yang diterjemahkan dalam kelakuan seorang usahawan yang merangkumi kemampuan untuk memulakan perniagaan baru. Dalam kajian ini, penyelidik mendefinisikan kemahiran merupakan sesuatu yang perlu ada pada diri pelajar bagi memastikan perjalanan kerjaya usahawan terurus dan sempurna.

iv) Minat Keusahawanan

Kecenderungan atau minat keusahawanan digambarkan sebagai faktor motivasi yang mempengaruhi individu untuk meneruskan sesuatu usaha keusahawanan (Hisric, Peters & Shaphard., 2008). Minat di dalam kajian ini merujuk kepada kecenderungan atau keinginan seseorang pelajar itu untuk menceburi bidang keusahawanan.

v) Kepimpinan Keusahawanan

Kepimpinan adalah berkaitan dengan motivasi di mana iaanya merujuk kepada proses memotivasiorang lain melakukan sesuatu tugas dalam mencapai matlamat yang ditetapkan (Mohd Makbul, Palil & Khairi, 2003). Ariffin & Sabaruddin (2002) telah menggariskan beberapa perkara yang menjadi tiang kepada kepimpinan yang baik iaitu; kepercayaan antara usahawan dan pekerja, komunikasi yang terbuka, layanan yang baik dan adil oleh usahawan kepada pekerja, tanggungjawab dan kuasa yang jelas dan juga prihatin dan sensitif terhadap kebijakan pekerja. Oleh itu, kepimpinan dalam kajian ini merujuk kepada nilai kepimpinan yang dimiliki oleh pelajar dalam menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

vi) Kekangan

Hamed (2006), menegaskan bahawa kekangan yang dihadapi boleh merencatkan keinginan seseorang untuk melibatkan diri dalam perniagaan. Dalam kajian yang dilakukan ini, kekangan adalah merujuk kepada faktor yang menghalang atau merencatkan keinginan seseorang pelajar untuk menjadi seorang usahawan.

vii) Sikap

Yusof (2009) menyatakan bahawa telah menjadi tanggungjawab pendidik untuk membentuk dan mengasuh minda serta sikap pelajar supaya melihat keusahawanan sebagai satu mekanisme yang boleh menjana pendapatan, membolehkan mereka memiliki kelebihan kompetitif yang tersendiri dan seterusnya memiliki kejayaan. Menurut Tunggak & Salamon (2011), sikap merupakan sesuatu yang mengarah kepada terhasilnya sesuatu tingkah laku. Menurut Tunggak & Salamon (2011) lagi, pembinaan sikap kearah yang efektif & beretika dalam kalangan golongan dewasa termasuk golongan usahawan boleh dilakukan menerusi pendidikan dan pengawalan. Dalam kajian ini, sikap merujuk kepada tingkah laku atau tindakan pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan.

RUJUKAN

- A. Malek, M.A.N. (2009). *Kesediaan Pelajar Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan Dalam Menceburi Bidang Keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Abdul Ghafar, M.N. (2001). *Penyelidikan Pendidikan*. Fakulti Pendidikan. UTM
- Abdul, M. (2008). *Pembudayaan Keusahawanan*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn.Bhd.
- Abdullah, F. (2006). *Siswa IPTA Wajib Ambil Kursus Keusahawanan*. Berita Harian: 23 Disember 2006.
- Abdullah, H. (2010). *Usahawan Jadi Pensyarah IPTA*. Sumber: Utusan Malaysia Online-Kampus.
- Abu Baka, T., Md Ali, A., Omar, R., Md Som, H. & Md Som & Muktar, S.N. (2007). *Penglibatan Kaum Wanita Dalam Aktiviti Keusahawanan Di Negeri Johor: Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kritikal Kejayaan Dan Kegagalan Pengendalian Perniagaan*. Jabatan Pembangunan Sumber Manusia. Universiti Teknologi Malaysia: VOT 75087
- Ahmad, M.N. (2004). *Nota Niaga: Integriti Kriteria Utama Jadi Usahawan Terbilang*. Berita Harian: 21 Jun 2004.
- Ajzen, I. (1991). *The Theory of Planned Behaviour. Organisational Behavior and Human Decision Process*, 50(2), 179 – 211.
- Ariffin, S. & Sabaruddin, A.S. (2002). *Keusahawanan: Rahsia ke Puncak Kejayaan*. PrenticeHall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Babbie, E. (2008). *The Basics of Social Research*. Fourth Edition. Belmont: Thomson Wadsworth.
- Bahrom, M. & Mohamad Johdi, S. (2009). *Kepimpinan Pendidikan dalam Pembangunan Modal Insan*. Proceding. Dicapai pada Mei 26, 2012 dari <http://irep.iium.edu.my>
- Bardai, B. (2000). *Keusahawanan dan Perniagaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Barringer & Ireland (2006). *Entrepreneurship: Successfully Launching New Ventures.* Prentice Hall, New Jersey, pp 18-19
- Boon, Y. & Bohari, S. (2010). *Kesediaan Untuk Menceburi Bidang Keusahawanan Di Kalangan Pelajarpelajar Bumiputera Tingkatan Empat Di Tiga Buah Sekolah Sekitar Skudai, Johor.* Fakulti Pendidikan UTM.
- Burke, V. dan Collins, D. (2005). *Optimising the effects of leadership development programmes: A framework for analysing the learning and transfer of leadership skills.* *Management Decision.* Dicapai pada Mei 26, 2012 dari <http://dx.doi.org/10.1108/00251740510609974>
- Burns, R.B. (2000). “*Introduction to Research Method.*” Frenchs Forest : Pearson Education Australia Pty. Limited
- Che Hassan, S. (2001). *Pemilihan Kerjaya Berorientasikan Keusahawanan Di Kalangan Pelajar Diploma Perakaunan Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia : Kajian Empiri.* Universiti Utara Malaysia: Projek Sarjana
- Chik, M.A. (2010). *Analisis Sejauh Manakah Penglibatan Pihak Industri Dapat Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan Dan Cadangan Bagaimana Kerjasama Ini Dapat Dipertingkatkan Ke Arah Mencapai Hasrat Tersebut.* Politeknik Merlimau, Melaka.
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1.* Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cooper, D.R. & Schindler, P.S. (2007). *Business Research Method:9th edition.* New York: McGraw Hill.
- David, Matthew, Carole D. Sutton (2004). *Social Research.* London. Sage Publications.
- Doughlas, E.J., & Shepherd, D.A. (2002). *Self-Employment as a Career Choice:* England Journal of Entrepreneurship Fall 2002. Vol. 5, Iss. 2; pg. 57, 8 pg.
- Goodwin, C.J (2008). *Research in Psychology: Methods and design.* Fifth Edition: John Wiley & Son. Inc.
- Greenbank, P. & Hepworth, S. (2008). *Improving the career decision-making behaviour of working class students: Do economic barriers stand in the way?.* Journal of European Industrial Training. Vol. 32 Iss: 7, pp.492 – 509
- Hadi, K. (2006). *4 Tabung Baru Usahawan.* Berita Harian: 3 April 2006.

- Hamed, A.B. (2006). *Keusahawanan dan & Pengurusan Perniagaan Kecil*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Henderson, R. & Robertson, M. (2000). *Who wants to be an entrepreneur? Young adult attitudes to entrepreneurship as a career*. Career Development International, 5 (6), 279-287.
- Hisrich, R.D., Peters, M.P & Shephard D.A. (2008). *Entrepreneurship (International Edition)*. Singapore: The McGraw-Hill Education Asia.
- Husaini, M.H. & Ahmad, K.A. (2008). *Kemahiran Keusahawanan: Satu Kajian Analisis Kandungan Buku-Buku Teks*. Prosiding SKIKS Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Hussin, S. (2007). *Pengenalan Kepada Perniagaan Dalam Perspektif Malaysia*. Kuala Lumpur: Thomson Learning.
- Hussin, S. (2010). *Tajuk Kertas Pembentangan :Halatuju Pmm Ke Arah Pembudayaan Pendidikan Keusahawanan – Perancangan Serta Perlaksanaannya*. Politeknik Merlimau, Melaka. Tarikh : 27 April 2010
- Hussin, Y. (2008). *Kompetensi Pelajar Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan (JPTK) Terhadap Bidang Keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia: Sarjana Muda.
- Idris, N. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Malaysia: McGrawHill Sdn. Bhd.
- Ismail, K. & Ab. Rahman, A. (2009). *Melangkah Ke Alam Keusahawanan*. Rawang: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Khamsah, M.F. & Zakaria, M. (2008). *Langkah Bijak Usahawan Terbilang*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Lope Pihie, Z.A. (2007). *Usahawan Dan Keusahawanan: Satu Perspektif Pendidikan*. Selangor. Penerbit UPM.
- Madura, J. (2007). *Introduction to business*. (4th ed.). Mason, OH: Thompson South Western.
- McBurney, D.H. and White, T.H. (2007). *Research Method*. Seventh Edition: Thomson Wadsworth.
- Mohamad, Z. (2007). *Pelajar IPTA Wajib Ambil Subjek Keusahawanan*. Utusan Malaysia: 2 Julai 2007.

- Mohamed Idris, S.H. (2009). *Kecenderungan Keusahawanan Di Kalangan Pelajar Bidang Kejuruteraan Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Di Kawasan Utara Semenanjung Malaysia*. Universiti Utara Malaysia: Projek Sarjana.
- Mohd Ariff, F., Hussin, H. & Che Mat Zahari, S. (2002). *Kajian Kecenderungan Mahasiswa Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (SHT) Terhadap Bidang Keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia: Sarjana Muda.
- Mohd Diah, M. (2007). *Kesediaan Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Untuk Menceburi Bidang Keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia: Sarjana Muda.
- Mohd Makbu, Z., Palil, M.R. & Khairi, A. (2003). *Mengurus Perniagaan*. Pahang: PTS Publications.
- Mohd Makbul, Z. & Mohamad Harun, F. (2003). *Menjadi Usahawan: Panduan Menubuhkan Dan Menguruskan Perusahaan Secara Profesional*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Nawi, D. (2011). *Budaya Keusahawanan Di Kalangan Pelajar Politeknik Port Dickson Merentas Aliran Pengajian*. Jabatan Perdagangan. National Educational Colloquium research 2011-NECoR'11: Politeknik Port Dickson.
- Mohd Osman, M.H. (2007). *Faktor-faktor Yang Telah Mendorong Graduan Alumni UTM Menceburi Bidang Keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia: Sarjana Muda.
- Mohd Yatim, Z. (2005). *Insken Selaras Program Latihan Keusahawanan*. Berita Harian: 15 Januari 2005.
- Mohd. Noor, N. & A.Rahim, N. (2011). *Kecenderungan Pelajar-Pelajar Institut Kemahiran Mara (IKM) Ibrahim Sultan Terhadap Bidang Keusahawanan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Morganan, G. (2011). *Galak penyelidikan dan inovasi untuk realisasi politeknik universiti*. Sinar Harian. Tarikh : November 17, 2011
- Morris, M. S., Lewis, P. & Sexton, D. S. (1997). *Reconceptualizing Entrepreneurship: An input-output perspective*. SAM Advanced management journal. 55(1): 21-31.
- Nurul Nadhilah, M.H (2012). *Kesediaan Pelajar Politeknik Kejuruteraan Elektrik Dalam Menceburi Bidang Keusahawanan*. Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Sarjana
- Ramachandra, R. (2003). *The Big Jump Into Entrepreneurship*. Singapore: Horizon.

- Ramin, A.K., Ahmad, A. R., Ahmad, A. R. & Ahmad, K. (2008). *Perniagaan & Keusahawanan*. Jabatan Pengurusan Dan Teknologi, Fakulti Pengurusan Teknologi, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. UTHM.
- Rasheed, H. & Rasheed, B. (2003). *Developing Entrepreneurial Characteristics in Youth: The Effects of Education and Enterprise Experience*. Ethnic Entrepreneurship: Structure and Process, ed: Stile, C. & Gabraith, C: Elsevier Science, Amsterdam.
- Rosli, S.M. & Ramli, H. (2006). *Kokurikulum Koperasi, kegiatan Baru Keusahawanan Pelajar Di sekolah: PM*. Mingguan Malaysia: 23 Julai 2006.
- Samerjan, A. (2007). *Sikap Pelajar Melayu Di Dua Buah Sekolah Menengah Harian di Daerah Ibrahim Sultan Terhadap Bidang Keusahawanan*. Universiti Meknologi Malaysia: Sarjana Muda.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods For Business: A Skill Building Approach*. Fourth Edition. United States of America: John Wiley and Sons, Inc.
- Sipon, S. (2006). *Graduan islam Wajar Ceburi Bidang Keusahawanan*. Utusan Malaysia: 14 Julai 2006.Tarikh capaian: 14 Oktober 2012.
- Teresa V Menzies, Joseph C Paradi (2002). *Encouraging Technology-Based Ventures: Entrepreneurship Education and Engineering Graduates*. New England Journal of Entrepreneurship, 5(2), 57-64.
- Tunggak, T. & Salamon, H. (2011). *Budaya Usahawan Berjaya*. UTM Press Universiti Teknologi Malaysia.
- Van Gelderen, M. (2007). *Research based yet action oriented: Developing individual level enterprising competencies*. Kertas kerja yang dibentangkan di 17th Global Conference – Internationalizing Entrepreneurship Education and Training, 8 – 11 July, 2007, Faculty of Management and Economics, Gdansk University of Technology. Gdansk: Poland.
- Wan Hashim, W.N.D. (2008). *Faktor Penghalang Terhadap Kesediaan Menjadi Usahawan*. Universiti Teknologi Malaysia: Sarjana Muda.
- Yahya, A., Shahrin, Jamaludin, Boon dan Abdul Rahim (2006). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Yatim, A.H. (2005). *Jobless Grads Urged To Go For Entrepreneurship*. New Straits Times, Wednesday, 5 November 2005.

- Yusof, A.A. (2000). *Usahawan dan Keusahawanan: Satu Penilaian*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Yusof, A.A. (2003). *Prinsip Keusahawanan*. Selangor: Prentice Hall Pearson.
- Yusof, A.A. (2009). *Pendidikan Keusahawanan dalam Konteks Pembangunan Negara*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Yusof, R. (2004). “*Penyelidikan Sains Sosial*”. Pahang: PTS Publisher & Distributors.

